

Lebih RM130,000 menanti pemancing

PORT DICKSON - Hadiah bernilai lebih RM130,000 bakal menjadi rebutan pemancing dalam Tourism Malaysia Surfcasting Tour...A Journey To Visit Malaysia 2020 di Pantai Cahaya Negeri di sini Ahad ini.

Pertandingan anjuran bersama Tourism Malaysia dan Wakjali Event Management dengan kerjasama penuh Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) itu bertujuan mempromosikan lokasi pelancongan menarik seluruh negara.

Pertandingan menawarkan hadiah wang tunai RM70,000 untuk juara, kedua menerima RM12,000 dan ketiga RM5,000.

Pemenang keempat bakal membawa pulang RM1,000, kelima (RM700) keenam hingga ke-10 (RM450) manakala pemenang ke-11 hingga 100 akan menerima RM300.

Turut ditawarkan sebuah televisyen LED 60 inci dan empat TV LED 32 inci, 20 hamper dan 10 barangan Igloo sebagai hadiah cabutan bertuah.

Turut ditawarkan pakej penginapan di Hotel Hibiscus Port Dickson dan 1,000 t-shirt untuk peserta yang mendaftar awal.

Pengurus Wakjali Event Management, Md Zali Kasran berkata, pertandingan itu yang masuk siri ketujuh selepas Melaka,



MD ZALI

Kelantan, Selangor, Terengganu, Perak dan Pahang akan bermula pada jam 9.15 pagi hingga 1.30 tengah hari berdasarkan kepada carta air pasang surut.

“Pantai Port Dickson sangat terkenal sebagai lokasi memancing dan banyak spesies gred A seperti gerung belang, ebek, daun baru, pari, ketuka, senangin, gelama dan lain-lain.

“Bagi pertandingan ini, penganjur akan membuka tiga kawasan memancing iaitu di Pantai Cahaya Negeri, Pantai Saujana dan Pantai Nelayan dengan keluasan kawasan memancing 2 kilometer,” katanya.

Beliau berkata, yuran penyertaan hanya RM80 untuk satu joran dan peserta dibenarkan untuk menggunakan dua joran sahaja.

Katanya, bagi menggalakkan penyertaan peserta remaja, yuran bagi peserta bawah 20 tahun ialah RM40 dan kaunter pendaftaran 24 jam akan dibuka di lokasi pertandingan pada jam 12 tengah hari Sabtu ini.

Menurutnya, pertandingan adalah berasaskan ikan terberat dengan beberapa spesies ikan tidak dipertandingkan seperti todak, sesirat dan kerapu.

“Sebarang pertanyaan untuk acara itu boleh menghubungi talian 019-6203040, 012-2141401 dan 013-3838655,” katanya.